

Program terbaharu di Rimbunan Hijau Academy

SIBU: Rimbunan Hijau Academy (RHA) yang berpusat di Sibu kini menawarkan beberapa program profesional yang berasaskan pengajian sepanjang hayat melalui program bekerja sambil belajar.

Antara program yang ditawarkan ialah Eksekutif Diploma di dalam bidang Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Pengurusan Fasiliti dan Pengurusan Perniagaan Kejuruteraan. Selain itu, RHA turut menawarkan beberapa program Diploma lain seperti Diploma Pengurusan Penerbangan, Diploma Pentadbiran Perniagaan dan Diploma Kesihatan dan Keselamatan Pekerja yang kini dibuka untuk kemasukan baharu.

Program-program ini di-

tawarkan kepada lepasan sekolah menengah atau para graduan dan terbuka kepada individu yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka bagi mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka dalam bidang yang diceburi.

Program ini bertujuan agar pelajar merasai sendiri suasana alam pekerjaan sekaligus mencapai matlamat program untuk menghasilkan lebih banyak lagi pelajar yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi dari aspek teknikal.

Kaedah pembelajaran ini membantu pelajar melengkap diri mereka dengan ilmu pengetahuan yang mendalam di dalam bidang yang dipilih.

Bagi peringkat diploma, pensijilan para pelajar akan dianugerahkan oleh Kolej KLIA manakala untuk Eksekutif Diploma pensijilan pelajar akan dianugerahkan oleh Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Tempoh pengajian bagi Diploma dan Eksekutif Diploma adalah di antara dua tahun setengah dan tiga tahun merangkumi enam hingga tujuh semester.

Bantuan pinjaman pendidikan seperti PTPTN dan MARA turut disediakan bagi pelajar yang layak.

Sebarang pertanyaan, sila layari laman web kami di www.rhacademy.edu.my atau hubungi kami di talian 084-216285/286 untuk maklumat lanjut dan terkini.